

Dua tahanan ditembak mati di Kampung Padang Ibu, Bukit Mertajam

⌚ 12.30 tengah hari - polis terima maklumat sebuah PROTON Perdana bersama dua lelaki mencurigakan di sekitar Kubang Semang, Bukit Mertajam

⌚ 12.45 tengah hari - polis berjaya mengesan kereta berkenaan

⌚ Polis arah suspek memberhentikan kenderaan, tetapi mereka terus memecut menghala ke Kampung Padang Ibu



B/H 11/1/18 MS 12.

Lima lagi geng Joe Mafia diburu

» Polis yakin dapat kesan tempat sembunyi tahanan larikan diri



Anggota RELA dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) mengadakan sekatan jalan raya **dekat Plaza Tol Butterworth-Kulim, dalam usaha memburu tahanan yang lari.**

⌚ Kereta masuk ke jalan kampung, polis yang guna Honda CRV terus mengejar kira-kira tiga kilometer

⌚ Suspek melepaskan tembakan sebelum dibalas polis. Tembakan polis dipercayai turut terkena tayar kereta suspek. Kereta dinaiki dua suspek terbabas ke dalam tali air

⌚ Pemeriksaan polis kemudian mendapati 2 lelaki yang mati ditembak adalah tahanan yang meloloskan diri

yang dikejar polis terbabas ke dalam tali air di Kampung Padang Ibu, dekat sini.

Mereka bersama tujuh tahanan yang lain berjaya melarikan diri ketika dalam perjalanan menghadiri perbicaraan di Mahkamah Sesyen Butterworth dari Penjar Pulau Pinang, kira-kira jam 9 pag Isnin lalu. Dua daripada tahanan itu bagaimanapun berjaya ditahan semula di lokasi kejadian tidak lama kemudian.

Kereta mencurigakan

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahim Hanafi, berkata polis mendapat maklumat kira-kira jam 12.30 tengah hari semalam mengenai sebuah kereta mencurigakan di sekitar Kubang Semang, dekat sini sebelum berjaya mengesan kenderaan jenis PROTON Perdana itu, 15 minit kemudian.

Katanya, pemandu kereta terbabat kemudian diarah menghentikan kenderaannya, tetapi tidak diendahkan malah cuba menghimpit Honda CRV dinaiki anggota polis sebelum memecut laju sejauh kira-kira tiga kilometer ke arah Kampung Padang Ibu.

“Suspek turut melepaskan be-

Oleh Siti Azila Alias
bhnews@bharian.com.my

Bukit Mertajam

Selepas empat hari diburu, akhirnya dua daripada tujuh tahanan reman yang meloloskan diri Isnin lalu, mati dalam kejadian berbalas tembakan dengan polis, semalam.


Mohd Fairuz Adam, 31, atau Joe Mafia dan Mohd Noor Mohd Mustafa, 28, atau Boy mati ditembak dalam kejadian kira-kira jam 1 petang selepas enggan menyerah diri walaupun kereta dinaiki mereka



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my



PROTON Perdana yang dinaiki Joe Mafia dan Boy **terbabas dalam tali air selepas berbalas tembakan** dengan anggota polis di Kampung Padang Ibu, Bukit Mertajam semalam.



Hamzani Harun



Mohd Shahrimy Mohd Noor



Mohd Farid Akhtar



Hissham Abdul Rahman

'Mak cik ingat orang tembak tupai, rupanya penjenayah'

Bukit Mertajam: "Ketika kejadian, mak cik sedang kutip kelapa di tepi tali air depan rumah. Mulanya ingat orang tembak tupai, tapi rupanya polis tembak penjenayah," kata Sharifah Aminah Syed Hassan, 70.

Ketika ditemui di Kampung Padang Ibu, semalam, Sharifah berkata, dia menggigil ketakutan sebaik melihat dua kenderaan dipandu laju, disusuli bunyi tembakan bertalu-talu.

"Mak cik terus lari masuk rumah selepas diarahkan polis. Selepas itu, jenguk melalui tingkap rumah nak tengok apa berlaku dan nampak kereta yang dikejar ada dalam tali air," katanya.

Katanya, dua daripada tujuh anaknya yang juga anggota polis sering berpesan sebelum ini supaya sentiasa berhati-hati kerana ada tahanan polis yang melarikan diri

berapa das tembakan ke arah kenderaan polis, menyebabkan polis terpaksa membalas tembakan hingga kenderaan dinaiki mereka terbabas ke dalam tali air. Pemeriksaan kemudian mendapati seorang yang ditembak mati adalah Joe Mafia yang amat agresif kerana mempunyai pistol," katanya.

Bercakap kepada pemberita ketika ditemui di lokasi kejadian, Rahim berkata, polis sedang menjalankan siasatan dari mana suspek memperoleh pistol

Lakaran kejadian dua tahanan mati ditembak di Kampung Padang Ibu, Bukit Mertajam

“**Melalui risikan, kita sudah tahu kedudukan lima suspek yang masih bebas itu. Polis minta mereka serah diri di balai polis**”

Abdul Rahim Hanafi,
Ketua Polis Pulau Pinang

selain mengesan pemilik kereta digunakan mereka dalam kejadian itu yang disahkan bukan kenderaan curi.

Berpecah dua kumpulan

Katanya, polis juga percaya tujuh tahanan itu sebelum ini berpecah kepada dua kumpulan, iaitu Joe Mafia bersama Noor serta satu kumpulan lagi mengandungi lima yang masih bebas, iaitu Hissham Abdul Rahman, 39; Hamzani Harun, 37; Mohd Shahrimy Mohd Noor, 28; Mohd Farid Akhtar, 24, dan Mohd Khairul Nizam Abdul Rani, 26.

“Melalui risikan, kita sudah

ra,” katanya sambil mengingatkan orang ramai tidak melindungi suspek atau memberi makanan kerana ia kesalahan jenayah yang boleh dihukum penjara tidak lebih tiga tahun atau denda.

Dalam usaha meloloskan diri Isnin lalu, kumpulan tahanan itu yang diiringi empat anggota polis berpura-pura bergaduh dalam van dinaiki mereka, menyebabkan van berhenti di Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (LLB) berhampiran susur keluar Pantai Bersih, Bagan Ajam.

Seorang daripada tahanan terbabat kemudian membaling serbuk cili ke arah salah seorang

1. Suspek berjaya dikesan pihak polis. Polis arah berhenti, tetapi suspek terus memecut kenderaan
2. Suspek memasuki kawasan Kampung Padang Ibu. Berlaku kejadian berbalas tembak
3. Kereta dinaiki suspek terbabas ke dalam tali air. Kedua-dua suspek mati ditembak.



tahu kedudukan lima suspek yang masih bebas itu. Polis minta mereka serah diri di balai polis berdekatan dengan sege-

anggota polis sebelum mereka membelasah empat anggota polis berkenaan yang kemudian ditinggalkan di tepi lebuhraya.

Seorang lagi saksi, Jamaludin Ahmad, 56, berkata dia sedang memotong rumput di ladang tebu miliknya sebelum terdengar seperti bunyi mercurun.

Curiga dengan bunyi itu, dia kemudian cuba memeriksa dan terkejut melihat sebuah Honda CRV sedang mengejar PROTON Perdana sebelum individu di dalam kedua-dua kenderaan itu berbalas tembakan.

“Saya cuba pergi dekat, tapi polis arahkan supaya jauh dari lokasi. Saya tak pasti berapa orang dalam kereta yang dikejar yang kemudian terus terbabas ke dalam tali air. Sejurus kemudian, ramai polis datang ke lokasi dan baru saya tahu yang ditembak itu adalah tahanan sedang diburu polis,” katanya.

“**Saya tak pasti berapa orang dalam kereta yang dikejar yang kemudian terus terbabas ke dalam tali air**”

Jamaludin Ahmad
Saksi

Beli roti di stesen minyak

Terdahulu, seorang daripada lima suspek yang masih bebas dipercayai Shahrimy Mohd Noor, 28, dilihat membeli dua buku roti di sebuah stesen minyak di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Penanti, Lebuhraya Butterworth-Kulim arah Kulim di Kampung Tun Sardon, kira-kira jam 2 pagi semalam.

Jurucakap polis berkata, kelibat suspek yang kemudian melarikan diri ke ladang sawit berhampiran sempat dilihat anggota polis yang melakukan rondaan di kawasan situ.

“Polis yang curiga dengan tindakan lelaki itu terus bertanya dua pekerja stesen minyak berkenaan. Identiti lelaki itu kemudian disahkan Shahrimy. Susulan itu, polis melancarkan gerakan melalui darat dan udara bagi mengesan suspek yang dipercayai bergerak bersama beberapa tahanan lain,” katanya.

Anggota polis mengumpul maklumat daripada penduduk Kampung Tun Sardon, Ara Kuda, Tasek Gelugor, semalam. [FOTO MOHD KAMIL RAHIM/BH]

